

26 DEC 2000

MAHATHIR-EKONOMI

M'SIA PERKEMAS DIRI HADAPI KESAN KELEMBAPAN EKONOMI AS

Oleh: E. Sivabalan

PUTRAJAYA, 26 Dis (Bernama) -- Malaysia sedang mengkaji cara-cara menangani kesan kepada negara akibat daripada kemungkinan berlakunya kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat, termasuklah meningkatkan lagi perdagangan dengan rakan-rakan niaga bukan tradisional, demikian menurut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sememangnya kita akan terjejas kerana mereka (AS) merupakan rakan niaga utama bagi negara," kata beliau dalam satu temuramah eksklusif dengan Bernama di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Kenyataan Dr Mahathir adalah susulan daripada peringatan oleh pasukan Presiden AS yang baru dilantik George W. Bush yang mengatakan negara perlu bersedia menghadapi kelembapan ekonomi yang runcing, mungkin juga berlakunya kemeleketan.

Ahad lepas, Setiausaha Perbendaharaan AS Lawrence Summers mengesahkan kelembapan ekonomi AS tidak dapat dielakkan, tetapi beliau menjangkakan pertumbuhan ekonomi yang kukuh tahun depan.

Kata-kata Summers mengenai ekonomi AS disokong oleh Rizab Persekutuan AS yang pada hari Selasa lepas telah menyatakan bahawa yang ia lebih bimbang akan kelemahan ekonomi daripada masalah inflasi di AS.

Dr Mahathir berkata, jika sekiranya ekonomi AS mengalami kelembapan ekonomi, Malaysia terpaksa meningkatkan lagi perdagangan dan bertukar-tukar barangan dengan rakan-rakan niaga bukan tradisionalnya.

"Kami sedang mengkaji senario ini dalam usaha mencari jalan bagi mengatasi kesannya kepada kita," kata perdana menteri.

Menyentuh mengenai pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun ini, Dr Mahathir berkata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan melepasi 5.2 peratus yang telah diunjurkan, iaitu lebih daripada enam peratus.

"Kita akan menyaksikan pertumbuhan lebih daripada enam peratus tahun ini," tambah beliau.

Mengenai unjuran KDNK bagi tahun hadapan, perdana menteri berkata " ia mungkin dalam lingkungan 5.8 peratus, kurang daripada enam peratus."

Ekonomi negara berkembang pada 5.8 peratus tahun lepas.

Ditanya mengenai prestasi yang lembap di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan kekurangan minat di kalangan dana asing untuk melabur di bursa tempatan, Dr Mahathir berkata: "Pasaran saham, sebenarnya bukanlah petunjuk utama kepada prestasi negara."

Dr Mahathir berkata pelabur-pelabur modal jangka pendek hanya berminat mendapatkan keuntungan modal yang cepat dan bukannya kerana prestasi baik yang telah ditunjukkan oleh syarikat yang dilaburnya.

"Jadi, sekiranya mereka melabur secara besar-besaran pada mana-mana kaunter, saham-saham syarikat berkenaan akan naik, dan jika telah naik, mereka sentiasa boleh menjual saham-saham berkenaan, ambil wang mereka dan pergi melabur di negara lain pula.

"Ini turut berlaku di Amerika. Ada syarikat-syarikat di sana, tiba-tiba sahaja saham mereka melonjak dan kemudiannya menjunam dan mereka (syarikat-syarikat ini) menghadapi masalah.

"Jadi, kita tidak boleh bergantung kepada dana-dana asing kerana kepentingan mereka dan kepentingan kita berbeza sama-sekali. Orang-orang kita mahu melabur dalam syarikat-syarikat yang menunjukkan prestasi menggalakkan dan memberi pulangan yang baik. Mereka bukan semata-matanya mahu menolak naik harga dan kemudian menjual saham-saham berkenaan," kata Dr Mahathir.

Mengenai cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh ekonomi tahun depan, terutamanya sektor hartanah, Dr Mahathir berkata sektor ini tidak akan menunjukkan banyak pemulihan.

Ini ialah kerana, meskipun pasaran hartanah menghadapi kelembapan, "pemaju masih terus membina bangunan-bangunan", tambah beliau.

"Kita lihat banyak lagi kerja-kerja pembinaan sedang berlangsung, dan hasilnya, banyak bangunan kosong. Tetapi, mereka (pemaju) masih lagi membina bangunan.

"Mungkin mereka tahu sesuatu yang kita tidak tahu, tetapi kadang-kadang mereka tidak membuat kajian betul-betul mengenai permintaan dan akibat daripada itu, mereka menanggung kerugian," kata beliau.

Ditanya mengapa bank-bank masih lagi memberi pinjaman kepada pemaju-pemaju ini, Dr Mahathir berkata "memandangkan hartanah selalu disifatkan sebagai satu aset mutlak, bank tidak memberi pinjaman sepenuhnya mengikut nilai hartanah itu.

-- BERNAMA

ES ES DVS AA MA